



TATACARA PERMOHONAN PETAK PENGEKASAN KENDERAAN ELEKTRIK (EVCB) BAGI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

1.0 TUJUAN

Tatacara ini diwujudkan bagi membantu menerangkan kaedah permohonan, pemasangan serta memproses permohonan melibatkan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik atau *Electric Vehicle Charging Bay (EVCB)* di kawasan Seberang Perai.

2.0 LATAR BELAKANG


Tatacara ini diwujudkan selaras dengan Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCB) peringkat kebangsaan telah dikeluarkan oleh Plan Malaysia dan telah diluluskan Oleh Majlis Perancangan Negara Kali ke 42 Bil 2/2023 pada 18 September 2023 dan telah diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang (SPC) pada 31 Julai 2024.

3.0 PROSES PERMOHONAN

- 3.1 Proses permohonan adalah terbahagi kepada dua (2) peringkat iaitu :-
 - i. Permohonan Surat Tiada Halangan untuk pemasangan Meter Tenaga Nasional Berhad (TNB) - Tempoh 7 hari
 - ii. Permohonan kelulusan MBSP untuk pemasangan EVCB di kawasan Seberang Perai.
- 3.2 Peringkat 1 - Permohonan Surat Tiada Halangan untuk pemasangan Meter Tenaga Nasional Berhad (TNB)
 - 3.2.1 Permohonan oleh operator untuk mendapatkan surat tiada halangan MBSP bagi pemasangan Meter TNB sebelum mengemukakan permohonan kelulusan pemasangan secara rasmi ke MBSP

- 3.2.2 Pemohon hanya perlu mengemukakan permohonan yang lengkap melalui borang yang disediakan oleh Jabatan Bangunan untuk tujuan pengeluaran surat tersebut - Lampiran A1
- 3.2.3 Bayaran memproses (Fee) akan dikenakan sebanyak RM100.00 untuk setiap surat tiada halangan yang diproses serta dikeluarkan. Bayaran adalah mengikut bilangan 16, Jadual Pertama (Fee Bagi menimbang Pelan, Permit, DLL) Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986.
- 3.2.4 Tempoh memproses dan pengeluaran surat adalah tujuh (7) hari dari tarikh terima permohonan yang lengkap
- 3.2.5 Proses serta carta alir permohonan adalah seperti di **rajah 1**

Rajah 1: Permohonan oleh operator untuk mendapatkan Surat Tiada Halangan MBSP bagi pemasangan Meter TNB sebelum mengemukakan permohonan kelulusan pemasangan secara rasmi ke MBSP.




3.3 Peringkat 2 – Permohonan pemasangan EVCB di kawasan Seberang Perai

3.3.1 Bagi membolehkan pengoperasian EVCB di kawasan Seberang Perai permohonan di bahagikan kepada tiga (3) kategori, iaitu :-

KATEGORI PERMOHONAN	JENIS PERMOHONAN	PEMILIKAN TANAH	TEMPOH KELULUSAN	FEE
Pelan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan baru Struktur besar serta tertutup Pembinaan <i>Substation</i> 	Hakmilik	<ul style="list-style-type: none"> Peranti jenis arus ganti (alternating current - AC) – 7 hari dari tarikh syarat dipatuhi Peranti jenis arus terus (direct current-DC) – 14 hari dari tarikh syarat dipatuhi 	<ul style="list-style-type: none"> RM14.00 bagi setiap 9 meter persegi atau sebahagiannya tertakluk kepada minimum sebanyak RM 140.00 dengan bayaran sepuluh kali ganda boleh dikenakan kepada premis yang telah dibina
Pelan Permit Kecil (UKBS 18)	<ul style="list-style-type: none"> Struktur terbuka Struktur tertutup (< 500 kp) Pindaan dan tambahan Kepada bangunan sedia ada Pemasangan <i>charging point sahaja</i> 	Hakmilik	<ul style="list-style-type: none"> Peranti jenis arus ganti (alternating current - AC) – 7 hari dari tarikh syarat dipatuhi Peranti jenis arus terus (direct current-DC) – 14 hari dari tarikh syarat dipatuhi 	<ul style="list-style-type: none"> Bayaran permit kecil sebanyak RM100.00 dikenakan bagi setiap permohonan.
Pelan Permit Sementara (UKBS 19(2)) Nota : Pelan perlu diperbaharui setiap tahun	<ul style="list-style-type: none"> Semua jenis pemasangan EVCB 	Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> Peranti jenis arus ganti (alternating current - AC) – 7 hari dari tarikh syarat dipatuhi Peranti jenis arus terus (direct current-DC) – 14 hari dari tarikh syarat dipatuhi 	<ul style="list-style-type: none"> RM10.00 bagi setiap 9 meter persegi setahun dengan caj minimum sebanyak RM100.00 bagi satu permit.

- 3.3.2 Bayaran yang dikenakan adalah mengikut Jadual Pertama Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1986.
- 3.3.3 Pemohon juga perlu memohon kelulusan Lesen Perniagaan ke Jabatan Pelesenan MBSP sekiranya aktiviti melibatkan perniagaan.
- 3.3.4 Bagi pembangunan baharu, pemohon perlu mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang, Pelan Pecahan Sempadan dan Pelan Bangunan ke MBSP melalui OSC
- 3.3.5 Jenis pembangunan yang boleh / dibenarkan untuk menyediakan EVCB
- i. Kawasan perumahan termasuk yang berstatus strata
 - ii. Semua kawasan selain kawasan perumahan termasuk komersial, industri atau institusi.
 - iii. Stesen minyak, Kawasan Rehat dan Rawat (R&R)
- 3.3.6 Beberapa jenis pemasangan kategori komersial boleh dipertimbangkan pengecualian untuk penyediaan EVCB mengikut Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang yang berkuatkuasa pada 01 Ogos 2024, iaitu jenis :-
1. Kedai jenis teres, berkembar dan sesebuah
 2. Rumah kedai jenis teres, berkembar dan sesebuah
 3. Pejabat jenis sesebuah
 4. Restoran jenis sesebuah
 5. Arked / Bazar, Pasar Borong, Pasar Basah, Pasar Kering
 6. Komersial kegunaan khusus milik swasta
 - a. Pendidikan
 - b. Kesihatan
 - c. Kemudahan sukan dan rekreasi
 - d. Pertubuhan
 - e. Tapak Bazar
 - f. Pusat Jagaan
 - g. Perkuburan
 7. Rumah pekerja / Pekerja asing
 8. Lain-lain projek pemajuan yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan / Pihak Berkuasa Negeri
- 3.3.7 Kuasa meluluskan adalah mengikut prosedur sedia ada Jabatan Bangunan
- 3.3.8 Proses serta carta alir bagi permohonan adalah seperti di **rajah 2 & rajah 3**
- 3.3.9 Borang- borang yang akan digunapakai adalah seperti berikut :-
- i. Borang Semakan Pelan EVCB - Borang SKP 3a - **Lampiran A2**
 - ii. Borang *Self Compliance Declaration* (Peranti AC) - **Lampiran A3**
 - iii. Borang *Self Compliance Declaration* (Peranti DC) - **Lampiran A4**
 - iv. Borang Perakuan Siap Kerja - **Lampiran A5**


Rajah 2: Proses serta carta alir bagi permohonan EVCB bagi peranti jenis arus ganti (AC)



** jika perlu

Bagi tempoh kelulusan 7 hari, ulasan daripada Jabatan adalah tidak diperlukan.

Rajah 3 : Proses serta carta alir bagi permohonan EVCB bagi peranti arus terus (DC)





JABATAN BANGUNAN
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam

SENARAI SEMAK PELAN (EVCB)

Tanda (✓)	KATEGORI	JENIS PERMOHONAN
	A	PEMBANGUNAN BARU / PELAN BANGUNAN
	D	PERMIT BINAAN / STRUKTUR SEMENTARA (UUK 19 (2))
	F	PERMIT KECIL BANGUNAN (UUK 18)

Penyediaan EVCB Mengikut Jenis Peranti

Jenis Peranti Pengecasan

i. Peranti jenis arus ganti (alternating current - AC)

ii. Peranti jenis arus terus (direct current- DC)

Bil	Perkara	Ya	Tidak Ada	Tiada Kaitan
1.0	SEMAKAN BUTIRAN			
1.1	Petak tajuk menegak di sebelah kanan			
1.1a	Tajuk pelan hendaklah dicatatkan sama ada "Cadangan / Cadangan Pindaan Dan Tambahan" atau "Binaan Tanpa Kebenaran / Pindaan Tambahan Tanpa Kebenaran"			
1.2	Ruang kosong 150mm x 100mm di bahagian atas kanan petak tajuk			
1.3	Tajuk permohonan yang lengkap dengan :			
	i). Jenis Pembangunan			
	ii) No. Lot / Alamat			
	iii) Mukim / Seksyen			
	iv) Lokasi / Jalan			
	v) Daerah			
	vi) Butiran Bangunan :			
	a) Bilangan Unit			
	b) Jenis Bangunan			
	c) Bilangan Tingkat			
	d) No. Plot / No. Unit			
1.4	Nombor Rujukan & tarikh kelulusan Pelan Susunatur			

Bil	Perkara	Ya	Tidak Ada	Tiada Kaitan
1.5	<i>Butiran Pemunya Bangunan / Tanah:</i>			
	<i>i) Tandatanganan (hendaklah dibuat dengan dakwat)</i>			
	<i>ii) Nama</i>			
	<i>iii) No. Kad Pengenalan</i>			
	<i>iv) Alamat</i>			
1.6	Butiran Orang Utama Yang Mengemukakan :			
	<i>i). Tandatanganan (hendaklah dibuat dengan dakwat)</i>			
	<i>ii) Nama dan Cop Pendaftaran</i>			
	<i>iii) Alamat</i>			
1.7	Saksi kepada tandatangan Pemunya Bangunan/ Tanah			
1.8	Tajuk Lukisan			
1.9	Skala (<i>ukuran dalam metrik</i>)			
2.0	PELAN PUNCA / KUNCI			
2.1	Pelan Punca / Kunci dengan skala yang sesuai			
3.0	PELAN LOKASI / TEMPAT			
3.1	Pelan ditunjukkan dengan tepat & skala sesuai			
4.0	PELAN TAPAK			
4.1	Pelan tapak menunjukkan perkara-perkara berikut :			
	<i>i) No. Lot/ Plot</i>			
	<i>ii) Jalan Masuk dan Nama Jalan ke tapak</i>			
	<i>iii) Arah aliran air hingga ke punca saliran terakhir</i>			
	<i>iv) Skala, Titik Utara, No.Lot / Bangunan berhampiran</i>			
	<i>v) Dimensi kelegaaran garisan unjuran antara bangunan & sempadan lot</i>			
	<i>vi) Paras tanah tapak yang dicadangkan</i>			
	<i>vii) Garisan Anjakan Bangunan dari sempadan lot perlu ditunjukkan dengan jelas</i>			
4.2	Skala yang bersesuaian (Jelas & Tepat)			
5.0	PELAN LANTAI DAN BUMBUNG (Jika Berkaitan)			
5.1	Pelan lantai menunjukkan perkara-perkara berikut :			
	<i>i) Dimensi berangka - panjang dan lebar bangunan</i>			
	<i>- bilik dan ketebalan dinding</i>			
	<i>ii) Dimensi berangka - ruang buka semua</i>			
	<i>pintu / tingkap</i>			
	<i>- telaga udara</i>			
	<i>- kawasan belakang</i>			
	<i>- ruang terbuka</i>			
	<i>iii) Garisan saliran kekal dengan anak panah menunjuk arah aliran disalur keluar ke punca saliran terakhir dan saiz parit</i>			
	<i>iv) Nama dan Kegunaan Bilik</i>			
<i>v) Luas Ruang dalam unit meter persegi</i>				
<i>vi) Jadual Pengiraan Pencahayaan dan Pengudaraan</i>				
<i>vii) Jadual keluasan setiap ruang bangunan dalam unit</i>				



Bil	Perkara	Ya	Tidak Ada	Tiada Kaitan
	<i>meter persegi</i>			
5.2	Pelan Bumbung berserta keluasan bumbung			
6.0	KERATAN BANGUNAN (Jika Berkaitan)			
6.1	Muka keratan lintang & bujur menunjukkan perkara berikut :			
	i) <i>Paras tanah sedia ada dan baru</i>			
	ii) <i>Paras jalan, parit sisi jalan atau kaki lima</i>			
	iii) <i>Lebar dan dalam asas tapak, tebal dinding, dinding sekat dan lantai</i>			
	iv) <i>Lebar dan dalam asas tapak, tebal dinding, dinding sekat dan lantai</i>			
	v) <i>Tinggi tingkat, tangga, pintu, tingkap, lubang pengudaraan</i>			
	vi) <i>Saiz, tempat letak & arah gelegar lantai, rasuk, bumbung</i>			
	vii) <i>Bahan yang digunakan</i>			
7.0	PANDANGAN BANGUNAN / EVCB			
7.1	Pandangan hadapan, belakang dan sisi			
7.2	Sebahagian daripada pandangan hadapan dan belakang bangunan bersebelahan			
8.0	SYARAT AM			
8.1	LAMPIRAN A (EVCB) - Syarat Pembangunan EVCB			
8.2	Sekeping CD "Softcopy" (Format Autocad, Powerpoint dan JPEG) yang mengandungi Gambar Tapak Cadangan, Pelan Lokasi, Pelan Tapak/ Susunatur, Pelan Lantai, Pelan Bumbung, Pandangan Bangunan dan Keratan Bangunan. Butiran Keluasan setiap ruang bangunan disertakan dalam format JPEG			
9.0	PENGESAHAN DAN PERAKUAN			
9.1	Perakuan PSP berserta tandatangan & cap 1. Saya akan bertanggungjawab sepenuhnya dan akan menyelesaikan apa jua permasalahan di tapak pembinaan dan juga masalah kejurangan tanpa melibatkan Majlis Bandaraya Seberang Perai" 2. Semua butiran pelan adalah teratur, benar dan saya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap permohonan 3. Saya akan menunaikan semua syarat jabatan teknikal di atas pelan dan memastikan ditunaikan di tapak pembinaan". 4. Saya mengesahkan: (a) Bahawa pelan-pelan yang dikemukakan adalah mengikut Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1986 (pindaan 2016)			



Bil	Perkara	Ya	Tidak Ada	Tiada Kaitan
	<p>dan pindaan-pindaannya serta garis panduan-garis panduan dan polisi-polisi Majlis Bandaraya Seberang Perai.</p> <p>(b) Kerja-kerja pembinaan akan dijalankan dibawah penyeliaan saya.</p> <p>(c) Bahawa hakmilik tanah bagi tanah dimana bangunan-bangunan ini akan dibina tidak mengandungi perjanjian atau syarat-syarat khas yang melarang pembinaan bangunan-bangunan yang tersebut.</p> <p>(d) Bahawa Pemunya-Pemunya telah mematuhi sepenuhnya dengan kehendak-kehendak di dalam perjanjian-perjanjian seperti itu, atau syarat-syarat terkandung di dalam hakmilik.</p> <p>(e) Mengaku bahawa pelan-pelan bangunan adalah setara dengan Pelan Kebenaran Merancang yang diluluskan dan akan mematuhi ulasan serta syarat-syarat jabatan teknikal. (Bagi permohonan yang terlibat dengan Permohonan Kebenaran Merancang sahaja)</p> <p>(f) Mengaku akan mematuhi aspek aspek keselamatan dan juga mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh agensi teknikal seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Lembaga Lebuh Raya Malaysia Jika Berkaitan) , Suruhanjaya Tenaga serta lain-lain agensi teknikal.</p>			
9.2	<p>Pengesahan dan tandatangan Jurutera hendaklah dicatatkan : (Jika berkaitan)</p> <p>“Saya mengesahkan”:</p> <p>(a) Bahawa kerja-kerja yang akan / telah dijalankan adalah selamat dan kukuh dan bahawa saya bersetuju bertanggungjawab penuh untuk keselamatan dan kekukuhan kerja yang akan / telah dijalankan dan atau</p> <p>(b) Bahawa alas dan binaan boleh menahan muatan tambahan dan atau kegunaan baru.</p> <p>(c) Bagi Pengemukaan Pelan Bangunan oleh Jurutera bertaualiah :</p> <p>- Perlu disertakan salinan surat pengesahan bahawa pembangunan ini mematuhi kehendak Pekeliling</p>			



Bil	Perkara	Ya	Tidak Ada	Tiada Kaitan
	Am bil.1/2020. Penyerahan Pelan-Pelan Bangunan oleh Arkitek kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang dikeluarkan oleh Lembaga Arkitek Malaysia yang di cop dan ditandatangani Jurutera bertauliah berkenaan.			
9.3	Perakuan pemohon berserta tandatangan dan nama: "Saya akan bertanggungjawab sepenuhnya jika perkara berbangkit bersabit dengan pembinaan ini dan akan menanggung rugi termasuk membaikpulih segala kerosakan yang mungkin timbul semasa kerja-kerja pembinaan ke atas premis bersebelahan saya tanpa melibatkan Majlis Bandaraya Seberang Perai" "Saya mengesahkan: Bahawa hakmilik tanah bagi tanah dimana bangunan-bangunan ini akan dibina tidak mengandungi perjanjian atau syarat-syarat khas yang melarang pembinaan bangunan-bangunan yang tersebut; Bahawa Pemunya-Pemunya telah mematuhi sepenuhnya dengan kehendak-kehendak di dalam perjanjian-perjanjian seperti itu, atau syarat-syarat terkandung di dalam hakmilik.			
10.0	SYARAT-SYARAT SEPERTI DI LAMPIRAN A (EVCB)			
	Jenis Pembangunan (Baru / Sedia ada)			Jenis Peranti
10.1	Pemasangan peranti ini perlu mematuhi ketetapan Guide on Electric Vehicle Charging System (EVCS), 2022			
10.2	Penyediaan Jenis Peranti Mengikut Lokasi Yang Dibenarkan		AC (≤22 kW)	DC (>22 kW)
10.3	Di luar bangunan			
10.4	Di ruang bumbung terbuka atau unenclosed.			
10.5	Di semua aras dalam bangunan.			
10.6	Di dalam bangunan di aras berikut sahaja 1. Aras tanah (<i>Ground Floor</i>); 2. Aras 1 hingga Aras 4 (jika bangunan tersebut mempunyai 5 aras); 3. Aras Bawah Tanah (<i>Basement 1</i> hingga <i>Basement 3</i>)			
				Jenis Pembangunan
11.0	Bilangan Petak Yang Perlu Disediakan		Sediada	Baru
11.1	Bilangan EVCB adalah mengikut permintaan.			

11.2	Tempat letak kenderaan (TLK) yang telah dijadikan EVCB tidak perlu diganti oleh TLK baharu.			
11.3	Bagi pembangunan perumahan bertanah (strata dan bukan strata)	Tertakluk kepada permintaan.		
11.4	Bagi pembangunan perumahan strata berbilang tingkat	<ul style="list-style-type: none"> Penyediaan minimum 2% EVCB daripada jumlah keseluruhan TLK yang perlu disediakan atau minimum dua (2) EVCB di petak TLK pelawat. EVCB di petak TLK pelawat adalah digalakkan untuk boleh diguna bersama. <p>Nota : Penggunaan Petak bersama pemandu golongan OKU adalah tidak dibenarkan)</p>		
11.5	Bilangan EVCB Yang Perlu Disediakan Mengikut Jenis Pembangunan	Bilangan EVCB adalah mengikut permintaan.		
		Tempat letak kenderaan (TLK) yang telah dijadikan EVCB tidak perlu diganti oleh TLK baharu.		
11.6	Penyediaan EVCB Mengikut Saiz Dan Ukuran	Saiz EVCB adalah mengikut saiz TLK sedia ada.		
		Saiz minimum EVCB ialah 2.5 m x 6 m.		
		Penggunaan Tempat Letak kereta OKU tidak dibenarkan		
11.7	Pengasingan EVCB Dengan TLK Bukan EV (AC (≤ 22 kW))	Tidak ada jarak pengasingan.		
		Jarak pengasingan minimum 2.5 m pada kiri dan kanan EVCB.		
		Jarak pengasingan boleh terdiri daripada laluan pejalan kaki, rizab jalan dan <i>perimeter planting</i>		
		Perletakan EVCB digalakkan secara berkelompok.		
11.8	Pengasingan EVCB Dengan TLK Bukan EV (DC (> 22 kW) AC (≤ 22 kW))	Luar Bangunan, Aras Bumbung Terbuka, R&R dan Stesen Minyak <ul style="list-style-type: none"> Jarak pengasingan minimum 2.5 m pada kiri dan kanan EVCB. Jarak pengasingan boleh terdiri daripada laluan pejalan kaki, rizab jalan dan <i>perimeter planting</i>. Perletakan EVCB digalakkan secara berkelompok. 		
		Dalam Bangunan <ul style="list-style-type: none"> Keluasan lantai EVCB melebihi 216 m² - Mengadakan dinding pengasing api (<i>fire separating wall</i>) minimum 1.5 m tinggi dengan ketahanan api sekurang-kurangnya 2 jam 		



		<ul style="list-style-type: none"> • Keluasan lantai EVCB tidak melebihi 216 m² - Mengadakan jarak pengasingan (<i>separation distance</i>) dengan kelebaran minimum 5 m pada kiri dan kanan EVCB atau dinding pengasing api minimum 1.5 m tinggi dengan ketahanan api sekurang-kurangnya 2 jam. 		
12.0	Kedudukan EVCB Dari Wet Riser, Dry Riser Atau Pili Bomba	AC (≤22 kW) Tidak ada had jarak. (Semak semula)		
		AC (≤22 kW) <ul style="list-style-type: none"> • Kedudukan EVCB dalam bangunan dan aras bumbung terbuka tidak melebihi 30 m daripada landing valve bagi <i>wet riser</i> atau <i>dry riser</i>. • EVCB di luar bangunan, stesen minyak dan R&R tidak melebihi 90 m dari pili bomba 		
		DC (>22 kW) <ul style="list-style-type: none"> • Kedudukan EVCB dalam bangunan dan aras bumbung terbuka tidak melebihi 30 m daripada landing valve bagi <i>wet riser</i> atau <i>dry riser</i>. • EVCB di luar bangunan, stesen minyak dan R&R tidak melebihi 90 m dari pili bomba. 		
13.1	Keperluan Sistem Semburan Air Automatik	AC (≤22 kW) Keperluan adalah tertakluk kepada UBBL.		
13.2	Keperluan Sistem Semburan Air Automatik	DC (>22 kW) <ul style="list-style-type: none"> • EVCB yang disediakan di aras tanah dan ke atas di semua jenis bangunan (termasuk perumahan berbilang tingkat): • Menyediakan minimum sistem pengesan kebakaran jenis haba (<i>automatic fire detection system</i>) atau <i>multi-sensor detecting type</i> di dalam bangunan yang tidak dipasang sistem semburan automatik (<i>automatic sprinkler system</i>). • EVCB yang disediakan di aras bawah tanah (<i>basement 1</i> hingga <i>basement 3</i>) di semua jenis bangunan (termasuk perumahan berbilang tingkat): • Menyediakan sistem semburan automatik atau <i>water mist system</i> atau <i>deluge system</i> atau <i>water monitor</i> yang berfungsi secara berterusan 		
14.0	Keperluan Sistem Semburan Air Automatik	Keperluan adalah sama seperti pemasangan EVCB peranti jenis DC di pembangunan sedia ada.		



15.0		Penyediaan EVCB perlu dilengkapi dengan suis pengasingan elektrik utama sebagai langkah keselamatan sekiranya berlaku kebakaran di EVCB.									
15.1		Setiap EVCB hendaklah mempunyai suis pengasingan elektrik utama secara automatik dan manual. Kedudukannya suis pengasingan elektrik utama hendaklah terletak sekurang-kurangnya 3 meter daripada EVCB dan EVCP tetapi tidak lebih daripada 15 meter.									
15.2		Suis pengasingan elektrik utama EVCB boleh dikongsi oleh beberapa EVCP dengan mematuhi jarak yang telah ditetapkan. Pengaktifan mana-mana suis pengasingan elektrik akan memutuskan sumber kuasa elektrik kepada semua EVCP.									
15.3	SUIS PENGASINGAN ELEKTRIK UTAMA (MAIN ISOLATION SWITCH)	Jika kedudukan suis pengasingan utama berada pada jarak kurang daripada 3 meter dari EVCP, maka hendaklah diadakan satu lagi suis pengasingan utama yang terletak sekurang-kurangnya 3 meter jauh daripada EVCP tetapi tidak lebih daripada 15 meter.									
15.4		Menghubungkan suis pengasingan elektrik utama EVCB dengan fireman switch.									
15.5		Kedudukan suis pengasingan utama hendaklah terletak di antara 800 mm hingga 1200 mm di atas paras lantai dan hendaklah terletak di lokasi yang boleh dilihat dengan jelas dan mudah diakses.									
15.6		Semua suis pengasingan utama hendaklah dilabel dan mempunyai arahan yang jelas iaitu berkaitan tatacara atau kaedah mengendalikan suis pengasingan utama.									
15.7		Jika suis pengasingan utama tidak dapat dilihat dengan jelas atau tidak di dalam jarak mata dari EVCP dan TLK, papan tanda tambahan hendaklah disediakan untuk mengarahkan ke lokasi suis pengasingan utama.									
15.8		Bagi pembangunan sedia ada jenis peranti AC, suis pengasingan utama adalah perlu bagi EVCB kegunaan awam. EVCB kegunaan awam adalah bertujuan untuk diguna oleh orang awam dan melibatkan perkhidmatan CPO.									
16.0		KEPERLUAN VEHICLE FIRE BLANKET (VFB)									
16.1		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bilangan EVCB</th> <th>Bilangan VFB</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 hingga 10</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>11 hingga 20</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Tambahan 1 VFB untuk 1 hingga 10 EVCB berikutnya</td> </tr> </tbody> </table>			Bilangan EVCB	Bilangan VFB	1 hingga 10	1	11 hingga 20	2	Tambahan 1 VFB untuk 1 hingga 10 EVCB berikutnya
Bilangan EVCB	Bilangan VFB										
1 hingga 10	1										
11 hingga 20	2										
Tambahan 1 VFB untuk 1 hingga 10 EVCB berikutnya											

17.0	EVCB DI STESEN MINYAK		
17.1	Kedudukan pili bomba tidak melebihi 90 m dari EVCB.		
17.2	Kedudukan EVCB dengan <i>refilling points</i> dan <i>vent pipe</i> sekurang- kurangnya pada jarak 12 m.		
17.3	Kedudukan EVCB dengan <i>designated oil tanker parking area</i> sekurang- kurangnya pada jarak 6 meter.		
17.4	Kedudukan EVCB dengan <i>fuel dispensing</i> unit sekurang-kurangnya pada jarak 8 meter		
17.5	Tidak dibenarkan ada sebarang sambungan atau pemasangan elektrik lain di dalam kawasan pengecasan EV yang boleh dipasangkan di antara jarak ketinggian 500mm dari aras lantai.		
17.6	Stesen pengecasan EV hendaklah tertutup sepenuhnya melainkan bukaan tersebut terletak sekurang-kurangnya 1 m di atas paras lantai.		
17.7	Mengadakan jarak pengasingan 2.5 m pada kiri dan kanan EVCB.		
17.8	Kawasan yang dijarakkan hendaklah ditandakan dengan lorekan (<i>hatching</i>) berwarna kuning serta dipasang dengan parking barrier bagi mengelakkan sebarang aktiviti pada kawasan tersebut.		
18.0	EVCB DI KAWASAN REHAT DAN RAWAT (R&R)		
18.1	Kedudukan pili bomba tidak melebihi 90 m dari EVCB.		
18.2	Mengadakan jarak pengasingan 2.5 m pada kiri dan kanan EVCB.		
18.3	Kawasan yang dijarakkan hendaklah ditandakan dengan lorekan (<i>hatching</i>) berwarna kuning serta dipasang dengan <i>parking barrier</i> bagi mengelakkan sebarang aktiviti pada kawasan tersebut.		
19.0	EVCB DI ATAS BUMBUNG TERBUKA ATAU UNENCLOSE		
19.1	EVCB hendaklah tidak lebih daripada 30 meter daripada pili bomba atau <i>landing valve wet riser</i> atau <i>dry riser</i> .		
19.2	Mengadakan jarak pengasingan 2.5 m pada kiri dan kanan EVCB.		
19.3	Kawasan yang dijarakkan hendaklah ditandakan dengan lorekan (<i>hatching</i>) berwarna kuning serta dipasang dengan <i>parking barrier</i> bagi mengelakkan sebarang aktiviti pada kawasan tersebut.		
20.0	EVCB MOTOSIKAL ELEKTRIK		
20.1	Saiz minimum EVCB untuk motosikal elektrik adalah sama seperti motosikal bukan elektrik, iaitu 1 m x 2 m sebagai mana di dalam Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kenderaan (TLK), PLANMalaysia, 2017 atau mengikut ketetapan PBT.		
20.2	Digalakkan minimum 1 EVCB untuk motosikal elektrik disediakan di setiap pembangunan.		
20.3	Perletakan battery <i>swapping station</i> tidak boleh menghalang laluan pejalan kaki terutamanya akses dan TLK untuk golongan OKU.		

21.0	EVCB BAS ELEKTRIK									
21.1	<p>Saiz minimum EVCB untuk bas elektrik juga adalah sama seperti TLK bas bukan elektrik. Saiz EVCB bas elektrik boleh merujuk kepada saiz TLK bas di dalam Garis Panduan Perancangan TLK, PLANMalaysia, 2017 seperti di Jadual 9 atau mengikut ketetapan PBT.</p> <table border="1" data-bbox="318 340 1130 571"> <thead> <tr> <th data-bbox="318 340 688 422">Jenis Bas</th> <th data-bbox="688 340 1130 422">Ukuran Minimum</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="318 422 688 495">Bas*</td> <td data-bbox="688 422 1130 495">3 m x 12 m</td> </tr> <tr> <td data-bbox="318 495 688 571">Bas Kecil / Mini**</td> <td data-bbox="688 495 1130 571">3 m x 7.5 m</td> </tr> </tbody> </table> <p>** Bas merujuk kepada jumlah penumpang yang melebihi 25 orang. ** Bas Kecil / Mini merujuk kepada jumlah penumpang yang tidak melebihi 25 orang.</p>	Jenis Bas	Ukuran Minimum	Bas*	3 m x 12 m	Bas Kecil / Mini**	3 m x 7.5 m			
Jenis Bas	Ukuran Minimum									
Bas*	3 m x 12 m									
Bas Kecil / Mini**	3 m x 7.5 m									
22.0	EVCB LORI ELEKTRIK									
22.1	<p>Saiz minimum EVCB untuk lori elektrik adalah sama seperti TLK lori bukan elektrik. Saiz EVCB lori elektrik boleh merujuk kepada saiz TLK lori di dalam Garis Panduan Perancangan TLK, PLANMalaysia, 2017 seperti di Jadual 10 atau mengikut ketetapan PBT.</p> <table border="1" data-bbox="263 1010 1187 1283"> <thead> <tr> <th data-bbox="263 1010 683 1092">Jenis Lori</th> <th data-bbox="683 1010 1187 1092">Saiz Minimum Petak</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="263 1092 683 1157">Lori Kecil</td> <td data-bbox="683 1092 1187 1157">3 m x 6 m</td> </tr> <tr> <td data-bbox="263 1157 683 1222">Lori Besar</td> <td data-bbox="683 1157 1187 1222">4 m x 15 m</td> </tr> <tr> <td data-bbox="263 1222 683 1283">Treler</td> <td data-bbox="683 1222 1187 1283">4 m x 18 m</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Lori	Saiz Minimum Petak	Lori Kecil	3 m x 6 m	Lori Besar	4 m x 15 m	Treler	4 m x 18 m	
Jenis Lori	Saiz Minimum Petak									
Lori Kecil	3 m x 6 m									
Lori Besar	4 m x 15 m									
Treler	4 m x 18 m									
23.	Lain -Lain syarat									

Perakuan PSP :-

Saya memperakukan bahawa semua keterangan dan maklumat di atas adalah benar.

Saya berhak dirujuk kepada LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA/ LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA sekiranya perakuan dan keterangan yang saya berikan adalah tidak benar dan melanggar aturan.

* Majlis berhak menarik balik dan membatalkan keputusan sekiranya mana-mana maklumat di atas tidak benar atau bercanggah. Majlis juga berhak mengambil tindakan penguatkuasaan selanjutnya termasuk kompaun jika syarat-syarat berkenaan tidak dipatuhi di tapak tanpa sebarang notis.

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :.....

<u>Untuk Kegunaan Pejabat:</u>	
Keputusan:	
Terima <input type="checkbox"/>	Tandatangan :
Terima dengan Syarat <input type="checkbox"/>	Nama :
	Tarikh :.....



JABATAN BANGUNAN
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama,
Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam

EVCB5/SCAC

BORANG SELF COMPLIANCE DECLARATION (AC DI LUAR BANGUNAN / DALAM BANGUNAN / ARAS BUMBUNG TERBUKA)

PERINGATAN :

Semua *Principal Submitting Person* (PSP) adalah dinasihatkan supaya mematuhi dan melaksanakan perkara-perkara yang terkandung di dalam *Self Compliance Checklist*

Tajuk Permohonan :

.....

.....

.....

.....

.....

Nama Pemohon :

Alamat Pemohon:

.....

1. MAKLUMAT BANGUNAN SEDIAADA

Tarikh Kelulusan pelan Bangunan Asal :

Tarikh Perakuan Siap dan Pematuhan(CCC) :

2. BILANGAN CADANGAN PEMAJUAN PERANTI JENIS AC :

.....

3. PERLETAKAN AC

BILANGAN UNIT

A. LUAR BANGUNAN

B. DALAM BANGUNAN

C. ARAS BUMBUNG TERBUKA

4. JENIS PEMBANGUNAN

A. PELAN BANGUNAN (TAMBAHAN/MENGUBAH)

B. PERMIT PEMBINAAN KECIL

C. PERMIT SEMENTARA

5. **KAMI MENGAMBIL MAKLUM BAHAWA PEMAJUAN EVCB ADALAH DIGALAKKAN DIBINA DI LUAR BANGUNAN**

6. **SELF COMPLIANCE CHECKLIST – PERANTI JENIS AC DI PEMBANGUNAN SEDIA ADA**

BIL.	KEPERLUAN TEKNIKAL PELAN	SEMAKAN PSP SILA TANDAKAN (√)	SEMAKAN BANGUNAN SILA TANDAKAN (√)
1.	Saiz petak EVCB adalah mengikut saiz TLK sedia ada.		
2.	EVCB hendaklah dipasang jauh daripada tangga atau pintu keluar keselamatan, atau kawasan laluan keluar bangunan yang boleh menyebabkan ianya terhalang sekiranya berlaku kebakaran / kecemasan.		
3.	Susun atur <i>Charging Bay</i> sama ada bersudut tegak (90°), selari (180°) atau bersudut (30°/45°/60°). Nyatakan susun atur petak :		
4.	Mengadakan akses perkakas bomba sebagaimana keperluan UUKBS 140.		
5.	Mengadakan alat pemadam api (APA) jenis debu kering (<i>dry powder</i>) seperti mana MS 1539 – <i>Specification for Portable Extinguisher</i> .		
6.	Mengadakan <i>Vehicle Fire Blanket</i> (VFB) berdasarkan bilangan <i>charging bay</i> . Nyatakan bilangan VFB : _____		
7.	Mengadakan penandaan keselamatan kebakaran seperti yang ditetapkan oleh JBPM.		
8.	Mengadakan sistem kawalan asap secara semulajadi atau mekanikal.		

BIL.	KEPERLUAN TEKNIKAL PELAN		SEMAKAN PSP SILA TANDAKAN (√)	SEMAKAN BANGUNAN SILA TANDAKAN (√)
9.	Mengadakan suis pengasingan elektrik utama (<i>main isolation switch</i>) (EVCB untuk kegunaan orang awam).			
	i.	Setiap EVCB hendaklah mempunyai suis pengasingan elektrik utama secara automatik dan manual. Kedudukannya suis pengasingan elektrik utama hendaklah terletak sekurang-kurangnya 3 meter daripada <i>charging bay</i> dan EVCP tetapi tidak lebih daripada 15 meter.		
	ii.	Suis pengasingan elektrik utama EVCB boleh dikongsi oleh beberapa EVCP dengan mematuhi jarak yang telah ditetapkan. Pengaktifan mana-mana suis pengasingan elektrik akan memutuskan sumber kuasa elektrik kepada semua EVCP.		
	iii.	Jika kedudukan suis pengasingan utama berada pada jarak kurang daripada 3 meter dari EVCP, maka hendaklah diadakan satu lagi suis pengasingan utama yang terletak sekurang-kurangnya 3 meter jauh daripada EVCP tetapi tidak lebih daripada 15 meter.		
	iv.	Menghubungkan suis pengasingan elektrik utama (<i>Main Isolation Switch</i>) EVCB dengan <i>fireman switch</i> .		
	v.	Kedudukan suis pengasingan utama hendaklah terletak di antara 800mm hingga 1200mm di atas paras lantai dan hendaklah terletak di lokasi yang boleh dilihat dengan jelas dan mudah diakses.		
	vi.	Semua suis pengasingan utama hendaklah dilabel dan mempunyai arahan yang jelas iaitu berkaitan tatacara/kaedah mengendalikan suis pengasingan utama.		

BIL.	KEPERLUAN TEKNIKAL PELAN		SEMAKAN PSP SILA TANDAKAN (√)	SEMAKAN BANGUNAN SILA TANDAKAN (√)
	vii.	Jika suis pengasingan utama tidak dapat dilihat dengan jelas atau tidak di dalam jarak mata dari EVCP dan tempat letak kereta, papan tanda tambahan hendaklah disediakan untuk mengarahkan ke lokasi suis pengasingan utama.		
10.	Menyediakan Sistem Pengesan Haba atau Sistem Semburan Automatik di EVCB (untuk bangunan selain perumahan)			

Perakuan PSP :-

Saya memperakuan bahawa semua keterangan dan maklumat di atas adalah benar. Saya berhak dirujuk kepada LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA/ LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA sekiranya perakuan dan keterangan yang saya berikan adalah tidak benar dan melanggar peraturan. * Majlis berhak menarik balik dan membatalkan keputusan sekiranya mana-mana maklumat di atas tidak benar atau bercanggah. Majlis juga berhak mengambil tindakan penguatkuasaan selanjutnya termasuk kompaun jika syarat-syarat berkenaan tidak dipatuhi di tapak tanpa sebarang notis.

.....
(Perunding Yang Bertanggungjawab)

NAMA :

ALAMAT :

COP DAN NO. PENDAFTARAN:

Untuk Kegunaan Pejabat:

Keputusan:

Terima

Tandatangan :

Nama :

Terima Dengan Syarat

Tarikh :



JABATAN BANGUNAN
 MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
**Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama,
 Bandar Perda,**

EVCB6/SCDC

BORANG *SELF COMPLIANCE DECLARATION*
 (DC DI DALAM BANGUNAN / LUAR BANGUNAN / ARAS BUMBUNG TERBUKA)

PERINGATAN :

Semua *Principal Submitting Person* (PSP) adalah dinasihatkan supaya mematuhi dan melaksanakan perkara-perkara yang terkandung di dalam Borang *Self Compliance Checklist*

Tajuk Permohonan :

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Nama Pemohon :

Alamat Pemohon:

.....

.....

.....

1. MAKLUMAT BANGUNAN SEDIAADA

Tarikh Kelulusan pelan Bangunan Asal :

Tarikh Perakuan Siap dan Pematuhan(CCC) :

2. BILANGAN CADANGAN PEMAJUAN PERANTI JENIS AC :

.....

3. PERLETAKAN DC

BILANGAN UNIT

- | | | |
|------|--|---|
| A. | LUAR BANGUNAN | <input style="width: 50px; height: 20px;" type="text"/> |
| B. | DALAM BANGUNAN | |
| i. | Aras 1 | <input style="width: 50px; height: 20px;" type="text"/> |
| ii. | Aras 2 | <input style="width: 50px; height: 20px;" type="text"/> |
| iii. | Aras 3 | <input style="width: 50px; height: 20px;" type="text"/> |
| iv. | Aras 4 | <input style="width: 50px; height: 20px;" type="text"/> |
| iii. | Aras Tanah (<i>ground floor</i>) | <input style="width: 50px; height: 20px;" type="text"/> |
| iv. | Aras Bawah Tanah (<i>basement 1 hingga Basement 3</i>) | <input style="width: 50px; height: 20px;" type="text"/> |

C. ARAS BUMBUNG TERBUKA
(Open Roof Top Level) ATAU Unenclosed

1

4. JENIS PEMBANGUNAN

A. PELAN BANGUNAN (TAMBAHAN/MENGUBAH)

B. PERMIT PEMBINAAN KECIL

C. PERMIT SEMENTARA

5. KAMI MENGAMBIL MAKLUM BAHAWA PEMAJUAN EVCB ADALAH DIGALAKKAN DIBINA DI LUAR BANGUNAN

6. SELF COMPLIANCE CHECKLIST – PERANTI JENIS DC

BIL.	KEPERLUAN TEKNIKAL PELAN	SEMAKAN PSP SILA TANDAkan (√)	SEMAKAN BANGUNAN SILA TANDAkan (√)
KEPERLUAN PANDUAN KESELAMATAN KEBAKARAN (PKK) AM EVCB (WAJIB DIISI)			
1.	Saiz petak EVCB adalah mengikut saiz TLK sedia		
2.	EVCB hendaklah dipasang jauh daripada tangga atau pintu keluar keselamatan, atau kawasan laluan keluar bangunan yang boleh menyebabkan ianya terhalang sekiranya berlaku kebakaran / kecemasan.		
3.	Susun atur <i>Charging Bay</i> sama ada bersudut tegak (90°), selari (180°) atau bersudut (30°/45°/60°).		
4.	Mengadakan akses perkakas bomba sebagaimana keperluan UUKBS 140.		
5.	Mengadakan alat pemadam api (APA) jenis debu kering (<i>dry powder</i>) sepertimana MS 1539 – <i>Specification for Portable Extinguisher</i> .		
6.	Mengadakan <i>Vehicle Fire Blanket</i> (VFB) berdasarkan bilangan <i>charging bay</i> .		
7.	Mengadakan penandaan keselamatan kebakaran seperti yang ditetapkan oleh JBPM.		

2

8.	Mengadakan sistem kawalan asap secara semulajadi atau mekanikal.		
9.	Mengadakan suis pengasingan elektrik utama (<i>main isolation switch</i>).		
	i.	Setiap EVCB hendaklah mempunyai suis pengasingan elektrik utama secara automatik dan manual. Kedudukannya suis pengasingan elektrik utama hendaklah terletak sekurang-kurangnya 3 meter daripada charging bay dan EVCP tetapi tidak lebih daripada 15 meter.	
	ii.	Suis pengasingan elektrik utama EVCB boleh dikongsi oleh beberapa EVCP dengan mematuhi jarak yang telah ditetapkan. Pengaktifan mana-mana suis pengasingan elektrik akan memutuskan sumber kuasa elektrik kepada semua EVCP.	
	iii.	Jika kedudukan suis pengasingan utama berada pada jarak kurang daripada 3 meter dari EVCP, maka hendaklah diadakan satu lagi suis pengasingan utama yang terletak sekurang-kurangnya 3 meter jauh daripada EVCP tetapi tidak lebih daripada 15 meter.	
	iv.	Menghubungkan suis pengasingan elektrik utama (<i>Main Isolation Switch</i>) EVCB dengan <i>fireman switch</i> .	
	v.	Kedudukan suis pengasingan utama hendaklah terletak di antara 800mm hingga 1200mm di atas paras lantai dan hendaklah terletak di lokasi yang boleh dilihat dengan jelas dan mudah diakses.	
	vi.	Semua suis pengasingan utama hendaklah dilabel dan mempunyai arahan yang jelas iaitu berkaitan tatacara/ kaedah mengendalikan suis pengasingan utama.	
	vii.	Jika suis pengasingan utama tidak dapat dilihat dengan jelas atau tidak di dalam jarak mata dari EVCP dan tempat letak kereta, papan tanda tambahan hendaklah disediakan untuk mengarahkan ke lokasi suis pengasingan utama.	
LUAR BANGUNAN			
a.	Stesen Minyak		
1.	Kedudukan pili bomba dalam jarak tidak melebihi daripada 90 meter dengan EVCB.		

2.	Kedudukan EVCB dengan <i>refilling points</i> dan <i>vent pipe</i> sekurang-kurangnya pada jarak 12 meter.		
3.	Kedudukan EVCB dengan <i>designated oil tanker parking area</i> sekurang-kurangnya pada jarak 6 meter.		
4.	Kedudukan EVCB dengan <i>fuel dispensing unit</i> sekurang-kurangnya pada jarak 8 meter.		
5.	Tidak dibenarkan ada sebarang sambungan atau pemasangan elektrik lain di dalam kawasan pengecas EV yang boleh dipasangkan di antara dalam jarak ketinggian 500mm dari aras lantai.		
6.	Stesen pengecas EV hendaklah tertutup sepenuhnya melainkan bukaan tersebut terletak sekurang-kurangnya 1m di atas paras lantai.		
7.	Mengadakan jarak pengasingan dengan kelebaran 2.5m pada kiri dan kanan <i>charging bay</i> .		
8.	Kawasan yang dijarakkan hendaklah ditandakan dengan lorekan (<i>hatching</i>) bewarna kuning serta dipasang dengan <i>parking barrier</i> bagi mengelakkan sebarang aktiviti pada kawasan tersebut.		
b.	Kawasan Rehat Dan Rawat (RnR), Kawasan Terbuka Di Luar Bangunan Atau Tempat Letak Kereta Terbuka		
1.	Kedudukan pili bomba dalam jarak tidak melebihi daripada 90 meter dengan EVCS.		
2.	Mengadakan jarak pengasingan dengan kelebaran 2.5m pada kiri dan kanan <i>charging bay</i> (Gambar Rajah 5 dan 6 di atas).		
3.	Kawasan yang dijarakkan hendaklah ditandakan dengan lorekan (<i>hatching</i>) bewarna kuning serta dipasang dengan <i>parking barrier</i> bagi mengelakkan sebarang aktiviti pada kawasan tersebut.		
c.	EVCB di Aras Bumbung Terbuka (<i>Unenclosed / Open Roof Top Level</i>)		
1.	EVCB hendaklah tidak lebih daripada 30 meter daripada pili bomba atau <i>landing valve wet riser</i> atau <i>dry riser</i> .		
2.	Kehendak-kehendak lain hendaklah seperti keperluan PKK bagi EVCB kawasan rehat dan rawat (RnR), di kawasan lapang di luar bangunan atau tempat letak kereta terbuka.		
KEPERLUAN PANDUAN KESELAMATAN KEBAKARAN (PKK) EVCB DI DALAM BANGUNAN			
a.	Aras Tanah Dan Ke Atas (contoh: <i>podium, multistorey carpark</i>)		
1.	Kedudukan EVCB daripada jenis arus terus (DC) tidak lebih daripada 30 meter daripada		

		daripada <i>landing valve wet / dry riser /</i> pili bomba.		
	2.	Kedudukan EVCB daripada jenis arus terus (DC) hendaklah tidak lebih dari aras kedua di atas lantai tetuan (<i>designated floor</i>) iaitu aras bawah, aras 1 dan aras 2.		
	3.	Mengadakan sekurang-kurangnya 1.5m tinggi dinding pengasing api (<i>fire separating wall</i>) jenis <i>wet construction</i> dengan ketahanan api sekurang-kurangnya 2 jam bagi EVCB daripada jenis arus terus (DC) yang melebihi 216m ² keluasan lantai.		
	4.	Mengadakan jarak pengasingan (<i>separation distance</i>) dengan kelebaran minimum 5 meter pada kiri dan kanan charging bay bagi EVCB daripada jenis arus terus (DC) yang tidak melebihi 216m ² keluasan lantai atau mengadakan sekurang-kurangnya 1.5m tinggi dinding pengasing api (<i>fire separating wall (wet construction)</i>) dengan ketahanan api sekurang-kurangnya 2 jam.		
	5.	Mengadakan sekurang-kurangnya sistem pengesanan kebakaran automatik (<i>Automatic Fire Detection System</i>) jenis haba atau <i>multi-sensor detecting type</i> di kawasan EVCB dalam bangunan yang tidak dipasang sistem semburan air automatik (<i>Automatic Sprinkler System</i>).		
	6.	Pengesan kebakaran hendaklah dihubungkan terus dengan <i>Fire Alarm Panel</i> , sistem PKK dan <i>roller shutter</i> (jika ada).		
	7.	Mengadakan sistem pengurusan asap secara semulajadi atau mekanikal.		
b.	Aras Bawah Tanah (<i>Basement</i>)			
	1.	Kedudukan EVCB daripada jenis arus terus (DC) tidak lebih daripada 30 meter daripada daripada <i>landing valve wet / dry riser /</i> pili bomba.		
	2.	Kedudukan EVCB daripada jenis arus terus (DC) hendaklah tidak lebih dari aras satu di bawah lantai tetuan (<i>designated floor</i>) iaitu aras bawah tanah (<i>basement 1</i>).		
	3.	Mengadakan sekurang-kurangnya 1.5m tinggi dinding pengasing api (<i>fire separating wall</i>) jenis <i>wet construction</i> dengan ketahanan api sekurang-kurangnya 2 jam bagi EVCB		

		daripada jenis arus terus (DC) yang melebihi 216m ² keluasan lantai.		
	4.	Mengadakan jarak pengasingan (<i>separation distance</i>) dengan kelebaran minimum 5 meter pada kiri dan kanan <i>charging bay</i> bagi EVCB daripada jenis arus terus (DC) yang tidak melebihi 216m ² keluasan lantai atau mengadakan sekurang-kurangnya 1.5m tinggi dinding pengasingan api (<i>fire separating wall</i>) jenis <i>wet construction</i> dengan ketahanan api sekurang-kurangnya 2 jam.		
	5.	Mengadakan pemasangan keselamatan kebakaran sistem semburan air automatik (<i>Automatic Sprinkler System</i>) atau <i>water mist system</i> atau <i>deluge system</i> atau <i>water monitor</i> yang berfungsi secara berterusan.		
	6.	Mengadakan sistem pengurusan asap secara semulajadi (<i>natural Ventilation</i>) atau mekanikal (<i>mechanical Ventilation</i>).		

Perakuan PSP :-

Saya memperakukan bahawa semua keterangan dan maklumat di atas adalah benar. Saya berhak dirujuk kepada LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA/ LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA sekiranya perakuan dan keterangan yang saya berikan adalah tidak benar dan melanggar peraturan. * Majlis berhak menarik balik dan membatalkan keputusan sekiranya mana-mana maklumat di atas tidak benar atau bercanggah. Majlis juga berhak mengambil tindakan penguatkuasaan selanjutnya termasuk kompaun jika syarat-syarat berkenaan tidak dipatuhi di tapak tanpa sebarang notis.

.....
(Perunding Yang Bertanggungjawab)

NAMA :

ALAMAT :

COP DAN NO. PENDAFTARAN:

Untuk Kegunaan Pejabat:	
Keputusan:	
Terima <input type="checkbox"/>	Tandatangan :
Terima Dengan Syarat <input type="checkbox"/>	Nama :
	Tarikh :



SURAT PERAKUAN SIAP PEMBINAAN PETAK PENGEKASAN KENDERAAN ELEKTRIK (EVCB)

No. Rujukan :

Tarikh :

Kepada:

Majlis Bandaraya Seberang Perai
Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama
Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam

**Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Seberang Perai**

Saya/ Kami dengan ini melampirkan **Pelan Kelulusan** dan **Borang Self Compliance Declaration** bagi permohonan:

.....
.....
.....
.....

Saya / Kami memperakui bahawa pelan ini telah mematuhi pelan kelulusan dan keperluan piawaian dan garis panduan seperti yang ditandakan di Borang *Self Compliance Declaration*.

.....

(Orang Utama Yang Mengemukakan)

Nama :

Alamat :

.....

.....

COP & No. Pendaftaran:.....